

Senang Berbahasa Arab

Mohd Hisyam Abd Rahim



DENERBIT KUTTHO
Batu Pahat
2005

Senang Berbahasa Arab

Mohd Hisyam Abd Rahim



PENERBIT KUITTHO

Batu Pahat

2005

Penerbit KUITTHO

Cetakan Pertama 2005

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pejabat Penerbit, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

ISBN: 983-2963-17-6

Dicetak oleh :

Unit Percetakan, Pejabat Penerbit
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Diterbitkan oleh:

Pejabat Penerbit
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
86400 Parit Raja, Batu Pahat
Johor Darul Ta'zim
Tel : 07-453 6143 / 6168
Faks : 07-453 6145

KANDUNGAN

Prakata	<i>i-ii</i>
Panduan Ringkas Penggunaan Kata Tanya	1-6
Contoh Perbualan	7-46
Perbendaharaan Kata	47-51
- Nombor	
- Hari dalam Seminggu	
- Nama-Nama Bulan	
- Masa	
Ulangkaji	53-55

Prakata

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah kerana akhirnya berjaya juga saya menyiapkan sebuah buku ringkas yang difikirkan dapat membantu mereka yang ingin mempelajari bahasa Arab untuk peringkat permulaan.

Dalam buku ini, saya ingin memperkenalkan kaedah mempelajari bahasa Arab daripada komponen yang paling asas bahasa itu sendiri iaitu kalimah (perkataan). Di sini, sengaja saya memilih perkataan yang hampir sama sebutannya dalam bahasa Melayu dan juga bahasa Arab. Sebagai contoh perkataan bahasa Melayu seluar, disebut juga dalam bahasa Arab **سِرْوَال** (sirwaal).

Pemilihan perkataan sedemikian bertujuan agar pelajar mudah mengingat dan dapat mengaplikasi perkataan tersebut dalam bahasa Arab dengan cepat serta berkesan. Justeru, selain menyenaraikan perkataan-perkataan yang hampir serupa sebutannya, saya juga menyertakan dua contoh ayat bagi setiap perkataan tersebut dan sedikit tips menggunakan kata tanya dalam bahasa Arab. Ini bertujuan selain mempelajari perkataan sinonim, mereka juga diajar kemahiran membina ayat tanya dalam bahasa Arab. Melalui cara ini sekaligus membolehkan mereka untuk berinteraksi dengan orang lain dalam bahasa Arab untuk permulaan. Insya Allah dalam penerbitan yang lain, saya akan mendatangkan pelbagai perkataan yang sinonim juga, dan akan menerangkan cara untuk membentuk ayat penyata yang ringkas, betul dan mudah.

Melalui kaedah pendekatan seperti ini, pelajar akan terus dapat mengaplikasikan perkataan tersebut untuk berkomunikasi selepas diajar untuk membuat ayat yang betul . Kaedah pembelajaran bahasa dan penghafalan pembendaharaan kata akan menjadi lebih cepat, seronok dan mudah jika perkataan sinonim di antara dua bahasa digunakan. Ini kerana pelajar tidak perlu menghafal perkataan terlebih dahulu bahkan mereka hanya perlu mempelajari cara mengaplikasikannya sahaja dalam bahasa Arab dengan betul. Lantaran adanya persamaan di antara keduanya, saya yakin melalui kaedah ini pembelajaran bahasa Arab akan berjalan lebih pantas dan akan menambah minat lebih ramai lagi untuk mempelajarinya.

Sekian daripada saya buat kali ini. Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha menerbitkan buku ini. Semoga Allah membalas jasa baik kalian semua. Amin!

Wa billahi taufiq walhidayah wassalamu'alaikum warohmatullah.

Mohd Hisyam bin Abdul Rahim
Guru Bahasa Arab
Pusat Pengajian Kemanusiaan dan Komunikasi
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
Parit Raja, Batu Pahat, Johor